

**TEKS UCAPAN  
Y. BHG. DATUK  
SEMPENA  
BENGKEL PENGAJARAN & PEMBELAJARAN  
SECARA LATIH AMAL  
(HANDS-ON)**

**26-28 JULAI 2002  
LE PARIS HOTEL & RESORTS**

**BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM**

**ASSALAMUALAIKUM WBKTH. DAN SALAM  
SEJAHTERA**

**Y. BERUSAHA SDR Pengerusi Majlis**

**Y. BHG. PROF. ISMAIL HASAN**

**TIMBALAN REKTOR AKADEMIK  
MERANGKAP PENASIHAT BAGI BENGKEL  
INI**

**Y. BHG. PROF. PROF. DR. AZHARI SALEH**

**TIMBALAN REKTOR PEMBANGUNAN &  
PERANCANGAN KORPORAT**

**Y. BHG. PROF. DR. MD RAZALI AYOB**

**DEKAN FAKULTI KEJURUTERAAN  
PEMBUATAN MERANGKAP PENERUSI  
BENGKEL**

**DEKAN-DEKAN FAKULTI SELAKU AHLI  
JAWATAN KUASA BENGKEL**

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA KECIL DAN  
URUS SETIA BENGKEL**

**SETERUSNYA PARA PESERTA BENGKEL  
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN  
SECARA LATIH AMAL (HANDS-ON) YANG  
SAYA HORMATI SEKELIAN**

**1. ALHAMDULILLAH SYUKUR KITA KE  
HADRAT ALLAH SWT KERANA  
MEMBERIKAN KEKUATAN DAN  
KESEMPATAN UNTUK SAMA-SAMA  
BERADA DI BENGKEL PENGAJARAN  
DAN PEMBELAJARAN SECARA LATIH  
AMAL ATAU YANG LEBIH KITA  
KENAL SEBAGAI HANDS-ON.  
TERLEBIH DAHULU SAYA INGIN  
MENGAMBIL KESEMPATAN INI  
UNTUK MENGUCAPKAN SYABAS DAN  
TAHNNIAH KEPADA SEMUA PIHAK  
YANG TERLIBAT DALAM  
PENGANJURAN BENGKEL DI ATAS  
SEMANGAT DAN KOMITMEN YANG  
DITUNJUKKAN BAGI  
MENJAYAKANNYA.**

2. UNTUK MAKLUMAN SEMUA, BENGKEL INI AMAT PENTING DALAM KITA MEREALISASIKAN VISI DAN MISI KUTKM DALAM MENJADI SEBUAH UNIVERSITI YANG KREATIF DAN INOVATIF TERKEMUKA DI DUNIA DALAM MELAHIRKAN KELOMPOK PROFESIONAL YANG BERKEMAHIRAN TINGGI. JUSTERU ITU, SATU CIRI YANG MEMBEZAKAN BAKAL-BAKAL GRADUAN KUTKM DENGAN GRADUAN UNIVERSITI-UNIVERSITI LAIN TELAH DITERAPKAN.

3. CIRI INI KITA NAMAKAN SEBAGAI LATIH AMAL ATAUPUN HANDS-ON.

IANYA KITA TERAPKAN DALAM KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI KUTKM. JADI APAKAH SEBENARNYA YANG DIMAKSUDKAN DENGAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SECARA LATIH AMAL ATAUPUN HANDS-ON INI?

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKELIAN,

4. SAYA KIRA RAMAI DARIPADA KALANGAN AKADEMIK KITA YANG TERTANYA-TERTANYA MENGENAI KAEDAH DAN PELAKSANAANNYA DI DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN YANG AKAN

**DISAMPAIKAN KEPADA PARA  
PELAJAR. APATAH LAGI KALAU KITA  
PERHATIKAN SECARA  
KESELURUHANNYA KAKITANGAN  
AKADEMIK KITA KEBANYAKANNYA  
MERUPAKAN MUKA-MUKA BARU DI  
DALAM DUNIA AKADEMIK.**

- 5. TIDAK TERKECUALI JUGA DENGAN  
SEBILANGAN KECIL STAF-STAF  
AKADEMIK YANG LAMA YANG  
MUNGKIN MENGHADAPI SEDIKIT  
KESUKARAN DALAM  
MENTERJEMAHKAN KONSEP  
HANDS-ON INI DALAM  
PENGAJARAN MEREKA. SAYA  
SECARA PERIBADI MENYEDARI**

**PERKARA INI APABILA  
MENGADAKAN PERJUMPAAN  
DENGAN STAF-STAF AKADEMIK DI  
FAKULTI MASING-MASING. DAN  
PERKARA YANG SAMA JUGA TURUT  
DIBANGKITKAN DI DALAM  
MESYUARAT-MESYUARAT  
AKADEMIK DAN SENAT.**

- 6. LANTARAN ITU, SAYA MERASAKAN  
ADA KEPERLUAN UNTUK DIADAKAN  
SATU BENGKEL KHUSUSNYA BAGI  
MEMBINCANGKAN MENGENAI  
PERKARA INI DENGAN BEBERAPA  
OBJEKTIF UTAMA. ANTARANYA  
DIHARAPKAN BENGKEL INI DAPAT  
MEMBINCANG DAN MEMBERI**

**TAKRIFAN YANG LEBIH JELAS MENGENAI APA YANG DIKATAKAN DENGAN KONSEP HANDS-ON INI.**

- 7. SELAIN DARIPADA ITU, SATU GARIS PANDUAN YANG JELAS MENGENAI CARA PELAKSANAANNYA JUGA HARUS DIRANGKA YANG MANA IANYA PERLU MERANGKUMI KAEDAH PENGAJARAN, PEMBELAJARAN DAN PENILAIAN YANG SESUAI DENGAN KEHENDAK INDUSTRI. PERKARA-PERKARA INI PENTING KERANA KITA TIDAK MAHU PARA KAKITANGAN AKADEMIK KITA TERABA-RABA DALAM MELAKSANAKAN**

**PENGAJARAN MEREKA HINGGA IANYA MENJEJASKAN KUALITI ILMU YANG DISAMPAIKAN KEPADA PARA PELAJAR.**

**TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG SAYA HORMATI SEKELIAN,**

- 8. SECARA PERIBADI SAYA BERPENDAPAT KONSEP HANDS-ON INI ADALAH MERUPAKAN SATU KONSEP YANG MENEKANKAN BUKAN HANYA KEPADA TEORI SEMATA-MATA TETAPI JUGA BAGAIMANA TEORI INI DAPAT DIAPLIKASIKAN KEPADA SESUATU PERMASALAHAN YANG SEBENAR.**

9. KITA TIDAK MAHU PARA PELAJAR KITA HANYA SETAKAT MENGUASAI SESUATU TEORI ATAUPUN ILMU TETAPI TIDAK TAHU BAGAIMANA HENDAK MENGAPLIKASIKANNYA DI DALAM PERSEKITARAN YANG SEBENAR. JUSTERU ITU, PENDEKATAN BAHAWA "THERE IS NO ONE WAY OF DOING OR SOLVING THINGS" MENJADI SATU CIRI UTAMA DALAM KONSEP HANDS-ON.

10. KONSEP HANDS-ON INI KALAU KITA LIHAT SECARA TELITI SEBENAR MENGGALAK DAN MENGARAH KEPADA KREATIVITI DAN INOVASI

BAIK DI KALANGAN PENSYARAH MAHUPUN DI KALANGAN PELAJAR. SEBAGAI CONTOH MUDAH YANG DAPAT SAYA BERIKAN, DALAM MENYELESAIKAN PERMASALAHAN MATEMATIK, PELAJAR JUGA BOLEH MENGGUNAKAN KAEDAH SELAIN DARIPADA CARA PENGIRAAN KONVENSIONAL. MEREKA BOLEH SEBAGAI MISALANNYA MENGGUNAKAN "SOFTWARE" YANG SESUAI DALAM MENYELESAIKAN PERMASALAHAN BERKENAAN.

11. OLEH ITU, SAYA BERHARAP DENGAN ADANYA BENGKEL INI, SATU RUMUSAN YANG SESUAI

**DAPAT DICAPAI BAGI MERANGKA  
SATU PELAN PENGAJARAN DAN  
PEMBELAJARAN SECARA HANDS-ON  
YANG SESUAI DIGUNAPAKAI DI  
KUTKM. DENGAN LAFAZ  
BISMILLAHIRAHMANIRRAHIM SAYA  
MERASMIKAN BENGKEL  
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN  
SECARA LATIH AMAL (HANDS-ON).**

**SEKIAN, WABILLAHI TAUFIK WAL  
HIDAYAH WASSALAMUALAIKUM WBKTH.**